

KEPENTINGAN PENYELIDIKAN DI KALANGAN PENSYARAH UNIVERSITI

*Oleh: Dr. Mohd. Muhiden bin Abd. Rahman**

Abstrak

Artikel ini cuba mengemukakan beberapa cadangan bagi menggalakkan penyelidikan terutamanya di kalangan pensyarah universiti. Ini kerana penyelidikan bukan sahaja menjadi penentu kepada ke-naikan pangkat seseorang pensyarah, tetapi juga sebagai indikator kepada penarafan sesebuah universiti. Semakin banyak penyelidikan yang berkualiti yang dihasilkan oleh sesebuah universiti, maka semakin tinggi kedudukan dan penarafannya.

1.0 Pengenalan

Tugas sebagai seorang pensyarah amat berbeza dengan tugas guru atau lain-lain jawatan dalam perkhidmatan awam. Kalau tugas seorang guru hanya tertumpu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran semata-mata, tugas seorang pensyarah lebih luas daripada itu. Ia bukan hanya tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran semata-mata, pensyarah juga bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar sesebuah universiti dalam usaha mendidik pelajar, memajukan ilmu pengetahuan dan memberi khidmat kepakaran. Justeru seorang pensyarah seharusnya menerima hakikat bahawa tugas mereka bukan sahaja mengajar, tetapi juga melakukan penyelidikan. Ini kerana dengan penyelidikan sahaja usaha untuk memajukan ilmu pengetahuan dan menambah khidmat kepakaran akan tercapai.

1.1 Tugas dan Tanggungjawab Pensyarah

Selain dari tugas-tugas pengajaran, pensyarah mempunyai dua tugas utama yang lain, iaitu tugas memajukan ilmu pengetahuan dan memberi khidmat kepakaran. Tugas-tugas inilah yang membezakan antara tanggungjawab seorang guru dan pensyarah. Ini kerana tugas-tugas memajukan ilmu ini

* Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

memerlukan suatu kajian dan penyelidikan ilmiah selain dari penglibatan diri secara aktif dalam interaksi keilmuan seperti pembentangan kertas kerja, penyertaan forum, penglibatan dalam jawatankuasa profesional dan sebagainya. Pensyarah juga bertanggungjawab menghasilkan penulisan ilmiah seperti jurnal, buku, monograf dan lain-lain. Tanpa tugas-tugas seperti ini, maka kita tidak mampu membezakan antara pensyarah dan guru.¹

1.2 Definisi Penyelidikan

Menurut Prof. Imam Suprayogo (2003) penyelidikan merupakan aktiviti pencarian kebenaran secara ilmiah. Manakala Hillway (1956) mengatakan bahawa penyelidikan adalah suatu metode studi yang dilakukan seseorang melalui penelitian yang hati-hati dan sempurna terhadap suatu masalah sehingga diperoleh pemecahan yang tepat terhadap masalah tersebut. Whitney (1960) pula menyatakan bahawa penelitian adalah suatu pencarian atas sesuatu (*inquiry*) secara sistematis dengan penekanan bahawa pencarian ini dilakukan terhadap masalah-masalah yang boleh dipecahkan.²

Ahmad Mahzan Ayob (1983) mentakrifkan penyelidikan sebagai satu tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambahkan ilmu pengetahuan baru, dan berbeza sekali dengan penemuan ilmu secara kebetulan atau spontan. Penyelidikan dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu yang diatur khas untuk mengeluarkan maklumat baru. J. Supranto (1986) menyatakan bahawa penyelidikan adalah usaha mencari data yang akan dipergunakan untuk menguji sesuatu hipotesis untuk memecahkan sesuatu persoalan atau hanya sekadar ingin mengetahui sama ada wujudnya ataupun tidak sesuatu persoalan itu.

Kesimpulannya, penyelidikan merupakan satu kaedah yang tersusun, sistematis dan terancang serta bersifat objektif, bukan subjektif dan bebas dari pertimbangan nilai. Dengan lain perkataan, penyelidikan hendaklah bersandarkan fakta dan logik pemikiran manusia. Logik pemikiran manusia sudah tentu berdasar kepada apa yang ditanggap oleh pancaindera manusia.

1.3 Mengapa Penyelidikan ?

Penyelidikan sering dipandang oleh pensyarah sebagai sesuatu yang berat dan menyusahkan sehingga timbul rasa enggan untuk melaksanakan bahkan untuk

memulainya. Memang melakukan suatu penyelidikan ilmiah bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini kerana setiap kajian yang dikemukakan mesti dipertanggungjawabkan. Namun kemestian inilah yang sangat berharga bagi seseorang yang bergelar pensyarah. Sebagai seorang pensyarah ia mesti memiliki tanggungjawab dan sikap ilmiah. Ia seharusnya mampu bahkan harus membiasakan dirinya untuk berfikir dan bertindak secara ilmiah. Penyelidikan akan memaksa seseorang pensyarah melakukan penelitian secara ilmiah sekali gus ia dikira sebagai suatu latihan yang paling berkesan dalam persiapannya ke arah menjadi seorang sarjana dan ilmuwan. Penyelidikan juga boleh dianggap sebagai bukti tentang sikap, cara berfikir dan penghasilan karya ilmiah.³ Ini kerana penyelidikan merupakan kegiatan yang dilakukan secara sistematis dan terancang dari mula sehingga selesai laporannya sama ada dalam bentuk sebuah tesis atau laporan biasa.⁴ Kalau ada yang berpandangan bahawa negara tanpa sarjana merupakan sebuah ‘negara janda’,⁵ maka gelaran yang sesuai bagi pensyarah yang tidak pernah melakukan penyelidikan ialah ‘pensyarah mandul’.

Profesor Ivan Legg (2001), seorang Provost and Executive Vice President dari Universiti Northern Illinois juga menekankan kepentingan pendidikan tinggi dengan mengatakan bahawa: “If higher education fails, we all fail. Higher education is the foundation of knowledge and discovery.” Beliau percaya bahawa semua idea demokrasi, kesihatan masyarakat, perkembangan sains dan teknologi, kecekapan dalam kegunaan sumber tenaga, globalisasi ekonomi, proses sosialisasi, semuanya berasal secara langsung dan tidak langsung dari minda yang terpelajar yang meliputi institut-institut pembelajaran tinggi. Dan penyelidikan merupakan ‘trade mark’ kepada institusi-institusi pengajian tinggi.

Islam sendiri amat menggalakkan penyelidikan, malah penyelidikan menjadi suatu amalan tradisi ulama silam khususnya para mujtahid, sehingga mereka bukan sahaja mampu melahirkan beribu-ribu karya yang berkualiti, tetapi juga berjaya mencipta beberapa ilmu baru seperti ilmu perubatan, matematik, astronomi dan sebagainya. Meneliti keunggulan tamadun Islam pada zaman kegemilangannya, ia tegak atas kekuatan membangunkan ilmu melalui penyelidikan. Ilmuwan dan sarjana Islam seperti Ibnu Sina, al-Khawarizmi, al-Biruni dan al-Farabi adalah di antara tokoh yang berjaya mencipta ilmu-ilmu baru melalui penyelidikan yang dijalankan. Malah ilmu ‘Usul Fiqh’ boleh dianggap sebagai ilmu asas metodologi penyelidikan yang digunakan oleh para ulama untuk membuat sesuatu ketetapan hukum. Ini kerana untuk mengetahui hukum syarak adalah memerlukan penyelidikan terlebih dahulu.⁶

Kepentingan Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah Universiti

Ketelusan penyelidik, keaslian data dan pandangan kritis adalah sangat penting dalam proses penyelidikan, kerana tujuan utama penyelidikan adalah untuk menghasilkan kebenaran sekalipun bertentangan dengan sentimen dan cita rasa penyelidik itu sendiri.⁷ Nilai-nilai ini amat perlu kepada seorang pensyarah yang bakal melahirkan pemimpin yang akan mencorakkan masa depan negara. Dalam hal ini pensyarah merupakan ejen perubahan sosial. Kita tidak ingin melihat para pensyarah yang jumud, kaku, ketandus dan hanya tahu meniru atau mengia apa saja yang diperkatakan. Sekiranya beginilah sikap seorang pensyarah, maka begitu jugalah mahasiswa yang bakal dilahirkan.

1.4 Tujuan dan Faedah Penyelidikan

Banyak tujuan dan matlamat penyelidikan yang menggambarkan betapa signifikannya penyelidikan terutamanya di kalangan pensyarah universiti. Antaranya, ialah:

- (a) Membantu manusia memahami sesuatu masalah
- (b) Memaju dan memperkasa ilmu pengetahuan
- (c) Mencari kebenaran
- (d) Melahirkan suatu nilai untuk dikembangkan, di maju dan dibangunkan
- (e) Meningkat kepakaran
- (f) Menguasai kemahiran berfikir
- (g) Menggalak pencetusan idea baru
- (h) Mempertingkat keyakinan diri
- (i) Menambah pengalaman
- (j) Menyampaikan idea dan maklumat kepada masyarakat melalui laporan yang jelas.

1.5 Cadangan Galakan Pensyarah Melakukan Penyelidikan

Dari fakta di atas, jelas akan kepentingan penyelidikan bagi seorang pensyarah terutamanya pensyarah kanan. Ia bukan sahaja memberi manfaat kepada pensyarah tersebut seperti meningkatkan kepakaran dan pengetahuan, bahkan manfaatnya meluas sehingga kepada universiti, masyarakat dan juga negara. Justeru sudah seharusnya seorang pensyarah kanan menjadikan penyelidikan sebagai tugas utama selain dari pengajaran. Di sini saya akan kemukakan beberapa cadangan bagi menggalakkan penyelidikan di kalangan pensyarah kanan seperti berikut:⁸

Menjelaskan peranan dan tanggungjawab pensyarah sebenar. Penyelidikan merupakan tugas utama seorang pensyarah selain dari pengajaran. Inilah hakikat yang terpaksa diterima oleh seseorang yang memilih kerjaya sebagai seorang pensyarah. Namun terdapat segelintir pensyarah yang kurang memahami akan bidang tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pensyarah. Akibat tidak memahami tugas dan tanggungjawab sebenar sebagai seorang pensyarah, maka tidak hairanlah apabila terdapat beberapa pensyarah hanya kelihatan mukanya di dewan-dewan kuliah atau bilik-bilik tutorial, iaitu ketika memberi kuliah dan tutorial sahaja. Justeru penjelasan mengenai tanggungjawab sebagai seorang pensyarah perlu diadakan secara berterusan sama ada melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel dan sebagainya. Di samping itu, kegiatan-kegiatan yang dapat menggalakkan penglibatan pensyarah dalam bidang penyelidikan juga harus di adakan.

Menjadikan penyelidikan sebagai kriteria utama bagi kenaikan pangkat sama ada dari pensyarah kepada pensyarah kanan dan profesor madya, atau dari profesor madya ke profesor dan sebagainya. Penilaian prestasi untuk kenaikan pangkat bagi pegawai perkhidmatan awam berbeza-beza mengikut profesi masing-masing. Oleh kerana pensyarah merupakan ahli akademik, maka penekanan dari aspek akademik menjadi keutamaan. Justeru kenaikan pangkat seseorang pensyarah banyak bergantung kepada penyelidikan yang dilakukan dan juga berapa banyak penulisan ilmiah yang diterbitkan. Ini bermakna penyelidikan menjadi penentu kepada kenaikan pangkat bagi seseorang pensyarah. Setiap pensyarah hendaklah membuktikan kebolehan masing-masing dalam bidang penyelidikan, penerbitan selain dari keberkesanannya pengajaran.

Merebut peluang yang ada sebagai seorang pensyarah. Kejayaan dan penarafan sesebuah universiti banyak bergantung kepada berapa banyak penyelidikan

yang telah dilakukan oleh pensyarah universiti tersebut. Ia sudah pasti memerlukan komitmen yang tinggi dari para pensyarah. Justeru pensyarah seharusnya mengambil peluang yang ada sebagai seorang pensyarah dengan melakukan penyelidikan sebanyak yang mungkin. Banyak peluang yang diberi kepada pensyarah untuk melakukan penyelidikan seperti cuti penyelidikan, peruntukan penyelidikan dan sebagainya. Dalam hal ini pihak yang terlibat dengan urusan penyelidikan di universiti hendaklah menyediakan segala kemudahan yang sepatutnya diperolehi oleh seorang pensyarah untuk menjalankan penyelidikan sama ada kemudahan material dan juga fizikal. Pihak yang bertanggungjawab juga sepatutnya mempermudah proses permohonan dan kelulusan sesuatu peruntukan penyelidikan sama ada peruntukan jangka pendek, fundamental, IRPA dan sebagainya. Kadang-kadang kerena birokrasi menjadi penghalang kepada pensyarah untuk melakukan penyelidikan. Misalannya tempoh permohonan dan kelulusan yang terlalu lama, kelulusan peruntukan yang tidak mencukupi, menghadapi persaingan dari pensyarah senior dan sebagainya. Kerenah-kerenah seperti ini kadang-kadang boleh melemahkan semangat pensyarah terutamanya pensyarah muda dari melakukan penyelidikan.

Penyediaan ruang bagi pensyarah akan menyalurkan hasil penyelidikan mereka untuk diterbitkan. Pihak pengurusan universiti di semua peringkat termasuk di peringkat fakulti dan jabatan serta unit penerbitan universiti seharusnya menyediakan ruang dan medium yang secukupnya kepada para pensyarah bagi menerbitkan hasil-hasil penyelidikan mereka. Ruang-ruang ini sama ada dalam bentuk jurnal, monograf, buku dan sebagainya. Ini kerana terdapat banyak hasil-hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh pensyarah universiti sama ada dalam bentuk tesis atau sebagainya tidak dapat diterbitkan, sebaliknya ia hanya menjadi koleksi perpustakaan. Faktor ini juga boleh menyebabkan para pensyarah kurang bersemangat untuk membuat penyelidikan. Oleh itu dalam sesebuah penyelidikan, idea pemikiran daripada kumpulan penyelidik khususnya penyelidik muda juga harus diambil kira dan di terbit atau diguna pakai. Perlu diingatkan, bahawa setiap penemuan hari ini daripada penyelidikan yang dijalankan, adalah satu penemuan baru yang mampu mencorakkan dunia. Sewajarnya, penyelidik berkenaan menjaga harta intelek mereka dan disebarluaskan bagi digunakan untuk kemajuan masyarakat dan negara.

Mewujudkan jaringan penyelidikan sehingga ke peringkat antarabangsa sehingga melahirkan kumpulan penyelidik yang bertaraf dunia. Daya intelektual akan terserlah dengan lahirnya kumpulan-kumpulan penyelidikan yang bertaraf

dunia yang boleh menyelesaikan sesuatu isu dalam masyarakat dunia. Cita-cita ini hanya dapat dilaksanakan jika para pensyarah mempunyai komitmen yang tinggi dalam bidang penyelidikan. Kepentingan budaya perkongsian ilmu dalam penyelidikan terbukti sehingga ia menjadi formula kejayaan masyarakat Barat dalam bidang ilmu. Perkongsian dimaksudkan di sini ialah idea atau ilmu bagi mendapatkan satu penyelesaian kepada masalah. Ia adalah melibatkan penyelidik senior dengan junior, penyelidik tempatan dan antarabangsa tanpa mengira jantina atau warna kulit.

1.6 Kesimpulan

Dari pembentangan di atas, jelas tentang kepentingan penyelidikan di kalangan pensyarah universiti terutamanya pensyarah kanan. Namun akibat dari kurang kesedaran dan juga terdapatkekangan dari pihak universiti sendiri menyebabkan penyelidikan kurang digemari oleh pensyarah universiti. Oleh itu satu usaha bersepadu dari semua pihak termasuk tenaga akademik, pengurusan universiti dan juga kerajaan perlu dilakukan bagi meningkatkan kesedaran dan memajukan bidang penyelidikan sehingga ia menjadi satu budaya di kalangan ahli akademi terutamanya di kalangan pensyarah muda.

Nota Hujung

¹ <http://qamu.um.edu.my>

² Imam Suprayogo dan Tobroni (2003), *Metodologi Penelitian Sosial-Agama*, PT Remaja Rosdakarya, Bandung, Indonesia, hal. 6.

³ Lihat S. Nasution, M.A. (2006), *Metode Research*, PT Bumi Akrasa, Jakarta, hal. V.

⁴ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan – Suatu Sorotan*, APIUM, Kuala Lumpur, hal. 3.

⁵ Lihat *Mingguan Malaysia* 25/06/2006.

⁶ Mohd. Noor Idris, Usul Fiqh sebagai Metod Penyelidikan dalam Pengajian Syariah dalam *Monograf Syariah*, Mei 1996, hal. 93- 98.

⁷ Ibid.

⁸ <http://www.ubd.edu.bn>